MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 54
No. 26

**31hb Disember 2010**

*TAMBAHAN No. 140*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 441.**

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

**Pemerluasan Akta dan perundangan subsidiari ke Wilayah Persekutuan Labuan**

2. (1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], yang dalam Perintah ini disebut "Akta yang diperluas", diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

**Ubah suaian Akta yang diperluas dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya**

3. (1) Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan yang berkenaan dengan nama atau nama jawatan sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan peruntukan Akta yang diperluas sebagaimana yang diubah suai.

**Pemansuhan, peralihan dan kecualian**

4. (1) Enakmen Perumahan (Kawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju) 1978 [*Sabah No. 24 tahun 1978*] (kemudian daripada ini disebut "Enakmen yang dimansuhkan"), dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, dimansuhkan.

(2) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan, dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, dibatalkan.

(3) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Enakmen yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, atau dipinda, digantung atau dibatalkan, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Enakmen yang dimansuhkan, yang hanya bagi maksud Enakmen yang dimansuhkan itu hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(4) Mana-mana prosiding yang belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Enakmen yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Enakmen yang dimansuhkan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

## Jadual Pertama

[Subperenggan 3(1)]

| (1) *Peruntukan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966* | | (2) *Ubah Suaian* |
|---|---|---|
| Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini) | ... | Sebutan mengenai "local authority" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Perbadanan Labuan". |
| | ... | Sebutan mengenai "Peninsular Malaysia" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan". |
| Seksyen 3 | ... | (1) Dalam takrif "certificate of completion and compliance", masukkan selepas perkataan "Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*] and any by-laws made under that Act" perkataan "as extended and modified by the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of the Street, Drainage and Building Act 1974) Order 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | (2) Dalam takrif "housing lot", masukkan selepas perkataan "National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*]" perkataan "as extended and modified by the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of National Land Code) Order 2009 [*P.U. (A) 454/2009*]". |
| | | (3) Dalam takrif "licensed housing developer", gantikan perkataan "Powers of Attorney Act 1949 [*Act 424*]" dengan perkataan "subsection 83(4) of the Stamp Ordinance 1952 [*Chapter 137*]". |

| (1) *Peruntukan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966* | | (2) *Ubah Suaian* |
|---|---|---|
| | | (4) Masukkan selepas takrif "licensed housing developer" takrif yang berikut: ' "Minister" means the Minister charged with the responsibility for the Federal Territory of Labuan;' |
| | | (5) Potong takrif "local authority". |
| Subseksyen 16U(3) | ... | Gantikan perkataan "section 37 of the Legal Profession Act 1976 [*Act 166*]" dengan perkataan "section 16 of the Advocates Ordinance 1953 [*Sabah Cap. 2*]". |

## Jadual Kedua
[Subperenggan 3(2)]

| (1) | (2) *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | (3) *Ubah Suaian* |
|---|---|---|
| Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [*P.U. (A) 58/1989*] | Peraturan 2 ... | (1) Dalam takrif “Akta”, masukkan selepas perkataan “Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966” perkataan “sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]”. |
| | | (2) Dalam takrif “Pihak Berkuasa Yang Berkenaan”, masukkan selepas perkataan “Malaysia Barat” perkataan “dan Wilayah Persekutuan Labuan”. |
| | | (3) Dalam takrif “Kanun”, masukkan selepas perkataan “Kanun Tanah Negara 1965” perkataan “sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara) 2009 [*P.U. (A) 454/2009*]”. |
| | | (4) Dalam takrif “petak”, masukkan selepas perkataan “Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]” perkataan “sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hakmilik Strata 1985) 2009 [*P.U. (A) 458/2009*]”. |

| (1) | (2) Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 | | (3) Ubah Suaian |
|---|---|---|---|
| | Perenggan 5(5)*(b)* | ... | Gantikan perkataan "Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 [*Akta 9*]" dengan perkataan "Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 [*Akta 684*]". |
| | Subperaturan 8(2) | ... | Gantikan perkataan "Akta Lambang dan Nama (Mencegah Salah Menggunakan) 1963" dengan perkataan "Enakmen Lambang-lambang dan Nama-nama (Mencegah Penggunaan yang Tidak Betul) 1979 [*Sabah No. 14 tahun 1979*]". |
| | Jadual G | ... | (1) Di bawah tajuk "PERJANJIAN JUAL DAN BELI (TANAH DAN BANGUNAN)", masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]".<br><br>(2) Di bawah tajuk "Mukadimah"—<br><br>*(a)* Gantikan perkataan "*Pekan/Kampung/Mukim" dengan perkataan "*Bandar/Desa".<br><br>*(b)* Potong perkataan "Daerah......".<br><br>*(c)* Gantikan perkataan "Negeri..........." dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Labuan".<br><br>(3) Dalam perenggan 23, masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]".<br><br>(4) Dalam perenggan 31—<br><br>*(a)* Masukkan selepas perkataan "Semenanjung Malaysia" perkataan "dan Wilayah Persekutuan Labuan". |

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| | *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | *Ubah Suaian* |
| | | *(b)* Masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | *(c)* Masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |
| | Jadual H ... | (1) Di bawah tajuk "PERJANJIAN JUAL DAN BELI (BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIHASRATKAN SUPAYA DIPECAH BAHAGI KEPADA PETAK)", masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |
| | | (2) Di bawah tajuk "Mukadimah"— |
| | | *(a)* Gantikan perkataan "*Pekan/Kampung/Mukim" dengan perkataan "*Bandar/Desa". |
| | | *(b)* Potong perkataan "Daerah.......". |
| | | *(c)* Gantikan perkataan "Negeri......." dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Labuan". |

| (1) | (2) *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | (3) *Ubah Suaian* |
|---|---|---|
| | | (3) Dalam perenggan 11, masukkan selepas perkataan "Akta Hakmilik Strata 1985" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hakmilik Strata 1985) 2009 [*P.U. (A) 458/2009*]". |
| | | (4) Dalam perenggan 26, masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | (5) Dalam perenggan 35— |
| | | *(a)* Masukkan selepas perkataan "Semenanjung Malaysia" perkataan "dan Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | | *(b)* Masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | *(c)* Masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |

| (1) | (2) *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | (3) *Ubah Suaian* |
|---|---|---|
| | | *(d)* Masukkan selepas perkataan "Akta Hakmilik Strata 1985" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hakmilik Strata 1985) 2009 [*P.U. (A) 458/2009*]". |
| | Jadual I ... | (1) Di bawah tajuk "PERJANJIAN JUAL DAN BELI (TANAH DAN BANGUNAN)", masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |
| | | (2) Di bawah tajuk "Mukadimah"— |
| | | *(a)* Gantikan perkataan "*Pekan/ Kampung/Mukim" dengan perkataan "*Bandar/ Desa". |
| | | *(b)* Potong perkataan "Daerah.......". |
| | | *(c)* Gantikan perkataan "Negeri......." dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | | (3) Dalam perenggan 23, masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | (4) Dalam perenggan 31— |
| | | *(a)* Masukkan selepas perkataan "Semenanjung Malaysia" perkataan "dan Wilayah Persekutuan Labuan". |

| (1) | (2) *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | (3) *Ubah Suaian* |
|---|---|---|
| | | *(b)* Masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | *(c)* Masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |
| | Jadual J ... | (1) Di bawah tajuk "PERJANJIAN JUAL DAN BELI (BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIHASRATKAN SUPAYA DIPECAH BAHAGI KEPADA PETAK)", masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |
| | | (2) Di bawah tajuk "Mukadimah"— |
| | | *(a)* Gantikan perkataan "*Pekan/Kampung/Mukim" dengan perkataan "*Bandar/Desa". |
| | | *(b)* Potong perkataan "Daerah.......". |
| | | *(c)* Gantikan perkataan "Negeri......." dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Labuan". |

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| | *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | *Ubah Suaian* |
| | | (3) Dalam perenggan 11, masukkan selepas perkataan "Akta Hakmilik Strata 1985" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hakmilik Strata 1985) 2009 [*P.U. (A) 458/2009*]". |
| | | (4) Dalam perenggan 26, masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | (5) Dalam perenggan 35— |
| | | *(a)* Masukkan selepas perkataan "Semenanjung Malaysia" perkataan "dan Wilayah Persekutuan Labuan". |
| | | *(b)* Masukkan selepas perkataan "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010 [*P.U. (A) 394/2010*]". |
| | | *(c)* Masukkan selepas perkataan "Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [*P.U. (A) 441/2010*]". |

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| | *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989* | *Ubah Suaian* |
| | | (*d*) Masukkan selepas perkataan "Akta Hakmilik Strata 1985" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hakmilik Strata 1985) 2009 [*P.U. (A) 458/2009*]". |

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| | *Peruntukan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah) 2002* | *Ubah Suaian* |
| Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah) 2002 [*P.U. (A) 476/2002*] | Jadual Kedua ... | Borang 1, 2, 3, 4 , 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12<br><br>Gantikan perkataan "DI NEGERI MALAYSIA" dengan perkataan "WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN". |

Dibuat 17 Disember 2010
[KWP(S): 24/PUU/694/1/2/9; PN(PU$^2$)415/XIII]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
*Setiausaha Jemaah Menteri*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA